

PRESS RECORD

Date Published	Thursday, 21 October 2010
Media / Page	Kosmo, Sport, 62
PR Value (MYR)	37,895.04

# Hazwan bermula dengan garang



**JUARA** bertahan, Hazwan Hazim Dermawan bermula garang dalam misi mempertahankan kejuaraannya pada Kejohanan Kapal Layar Malaysia Match Racing Championship (MMRC) di Ri-Yaz Heritage Marina and Spa Resort semalam, lapor **MUS-TAPA LAKAWA**.

Turun selaku pelayar pilihan, Hazwan yang mengetuai pasukan Pulse-AC Law tampil dengan aksi tersendiri apabila mendahului lapan pelayar lain selepas berakhirnya pusingan pertama.

Hazwan mengumpul lima mata, satu mata di hadapan dua pencabar utamanya, Mohamad Razali Mansor dari pasukan MAF1 dan Jeremy Koo yang mewakili Koo Racing Team.

"Kami tidak mahu terburu-buru pada perlumbaan hari ini (se-

malam) dan lebih banyak berhati-hati walaupun pada awalnya berlaku sedikit masalah komunikasi antara krew.

"Bagaimanapun, sebagai ketua dalam pasukan ini, kami berjaya mengatasi masalah itu terutamanya pada sebelah petang untuk mengutip beberapa mata penting," kata Hazwan yang pernah dua kali beraksi pada Kejohanan Piala Monsoon.

Pada perlumbaan semalam, strategi yang dilakukan Hazwan berjaya memerangkap beberapa pelayar berpengalaman termasuklah Rizal Mahadi Sazili (RSYC) dan Mohd. Masyuri Rahmat yang mewakili Persatuan Pelayaran Malaysia (MYA).

Dia turut mengutip mata ketika berdepan Nurul Elia Anuar dari pasukan Sail Putrajaya, Nik Ashraf Qaedi (Team One) dan Jerome Welch (Putrajaya 50).

"Saya memang bertekad untuk mempertahankan kejuaraan

pada tahun ini sekali gus layak ke perlumbaan Piala Monsoon untuk kali ketiga," jelasnya.

Sementara itu, Rizal mengakui akan kesilapannya selepas gagal memberikan aksi terbaik pada perlumbaan pusingan pertama semalam.

Menurut Rizal, keadaan angin yang tidak menentu sedikit menjejaskan rentak pelayarannya termasuk sering melakukan beberapa kesilapan kecil.

"Saya rasa saya tidak bernasib baik hari ini seperti pada tahun sebelumnya yang mana saya akan bermula baik pada pusingan pertama.

"Saya harap, tuah akan menyebelahi saya pada perlumbaan esok (hari ini) untuk terus memberi saingan kepada pelayar lain," kata Razali.

MMRC yang akan berakhir Sabtu ini adalah platform bagi pelayar negara untuk merebut satu slot ke Piala Monsoon.



HAZWAN (tengah) bersama krewnya kini mendahului saingan selepas menamatkan cabaran pusingan pertama semalam.